



14 FEB, 2026

Lawatan TNB ke Media Prima teroka peluang kerjasama

Berita Harian, Malaysia



Lawatan TNB ke Media Prima teroka peluang kerjasama

Kuala Lumpur: Tenaga Nasional Bhd (TNB) mengadakan lawatan korporat ke Media Prima Berhad (MPB) di Balai Berita, Bangsar, semalam, bagi memperkukuh hubungan strategik serta meneroka peluang kerjasama dalam landskap media dan telekomunikasi yang semakin berkembang.

Ia turut bertujuan melihat sendiri operasi syarikat secara dekat termasuk meninjau beberapa fasiliti utama di MPB.

Delegasi TNB diketuai Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Megat Jalaluddin Megat Hassan.

Ketibaan beliau bersama tujuh pengurusan kanan TNB pada jam 3 petang semalam, disambut Pengarah Urusan Kumpulan MPB, Datuk Rafiq Razali.

Ketika lawatan itu, Megat Jalaluddin diberi taklimat mengenai operasi MPB, selain dibawa melawat ke beberapa platform MPB termasuk di Media Prima Audio, Studio TV3 dan KLIK The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad (NSTP).

Turut hadir daripada MPB ialah Ketua Pegawai Kewangan



Megat Jalaluddin (enam dari kiri), Rafiq (tujuh dari kiri), Azhari (tiga dari kanan) dan Rosli (enam dari kanan) bersama delegasi TNB di Studio Buletin Utama, Balai Berita Bangsar, semalam.

Foto Nabila Adlina Azahari/BH)

Kumpulan, Rosli Sabarudin; Ketua Pegawai Operasi Media Prima Omnia, Stephanie Wong; Ketua Pegawai Operasi Rev Media Group, Nicholas Sagau; Ketua Pegawai Operasi Big Tree, Fariz Mustafa; Pengarang Kumpulan Berita dan Hal Ehwal Semasa (NCA) Rangkaian Televisyen, Azhari Muhidin serta beberapa lagi pengurusan kanan kumpulan.

Delegasi TNB pula termasuk Ketua Rumusan Perniagaan Global, Datuk Azmi Md Yusof; Ketua Pegawai Risiko, Mohamed Azrin Mohamed Ali dan Ketua Kumpulan Komunikasi Korporat, Samsul Ariffin Zainuddin.